

05/02/2000

Semua cawangan Pasir Mas sokong Mahathir

KOTA BHARU, Jumaat - Semua 148 cawangan Umno dalam bahagian Pasir Mas bersetuju mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden parti pada pemilihan, Mei ini.

Keputusan itu dicapai sebulat suara oleh ahli peringkat akar umbi melalui mesyuarat agung cawangan masing-masing yang berlangsung selama empat hari bermula 21 Januari lalu.

Ketua Umno bahagian itu, Datuk Paduka Ibrahim Ali, berkata setakat ini tidak ada tokoh lain dicalonkan bagi jawatan Presiden selain Dr Mahathir.

Katanya, dengan keputusan itu bermakna ahli peringkat akar umbi masih memberi kepercayaan dan keyakinan penuh kepada Dr Mahathir untuk terus menerajui parti.

"Semua cawangan Umno yang selesai bermesyuarat minggu lalu sepakat mencalonkan Dr Mahathir sebagai Presiden.

"Satu perkara menggembirakan saya ialah tidak berlaku sebarang kejadian tidak diingini seperti pulau memulau atau politik wang sepanjang mereka bermesyuarat," katanya di Hotel Perdana, di sini, hari ini.

Ibrahim yang juga anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno berkata, beliau mengambil keputusan untuk tidak menghadiri mesyuarat cawangan bagi mengelak berlaku tekanan di kalangan ahli.

"Saya ambil keputusan itu sebab tidak mahu ada anggapan bahawa keputusan (pencalonan) yang dibuat ahli berpunca daripada pengaruh saya, sedangkan segala keputusan perlu dibuat dengan kehendak ahli" katanya.

(END)